

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005


**RDG 266 – Rekabentuk Perabot**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Jawab **SEMUA** soalan dari **Bahagian A** dan pilih **SATU** soalan dari **Bahagian B**.

Pastikan jawapan Bahagian B dimuatkan di dalam kertas kartij bersaizkan A3 yang telah disediakan.



1. Nama perabot di atas:.....  
 Nama pereka:.....  
 Bahan yang digunakan:.....  
 Bincangkan samada ciri-ciri reka bentuk menepati zaman ia direkacipta?

(20 markah)



2. Nama perabot di atas:.....  
 Nama pereka:.....  
 Bahan yang digunakan:.....  
 Apakah konsep disebalik reka bentuk ini? Bincangkan.

(20 markah)

## 3. Pemilihan perabot.

- (a) Apakah faktor-faktor yang anda gunakan untuk memilih perabot mengikut konsep projek anda?. Anda perlu menyatakan konsep projek terlebih dahulu bagi menjelaskan faktor-faktor tersebut.

(20 markah)

**BAHAGIAN B:** Pilih **SATU** soalan sahaja. Pastikan jawapan dimuatkan di dalam kertas kartrij bersaizkan A3 yang telah disediakan.

## 4. Berpandukan kategori perabot dalaman berikut:-

- Komersil
- Institusi/ Pejabat
- Hospitaliti/Perhotelan

- (a) Huraikan dengan berbantuan lakaran pola susunatur 'sosiopetal' dan 'sociofugal' di dalam penyusunan perabot berhubung ketiga-tiga kategori di atas.

- (b) Terangkan secara lakaran bergrafik bagaimana rupabentuk perabot secara amnya boleh mempengaruhi serta menjejaskan komunikasi atau perhubungan antara manusia? Pilih **DUA** kategori perabot di atas sebagai contoh.

(40 markah)

5. Buat lukisan skematik berskala kaunter servis makanan **ATAU** kaunter servis 'concierge' yang dikendalikan oleh 2 operator berdasarkan **SATU** kategori gaya rekaan berikut:-

- 'Avant-garde'
- 'Kontemporari'
- 'Retro'
- 'Organik'

Lukis kaunter pilihan berpandukan keperluan berikut dengan memuatkan nota-nota ringkas perincian pembinaan serta spesifikasi bahan.

- (a) Pelan menunjukkan permukaan 'countertop' serta perkakasan/ peralatan yang berkaitan (1:20).
- (b) Tampak hadapan menunjukkan elemen rekaan (1:20).
- (c) Satu Keratan terperinci kaunter menunjukkan sistem binaan, pemasangan bahan dan kemasan (1:1).

(40 markah)